



LEMBAGA PELABUHAN KELANG

NOTIS BIL. 2/2015

PEMAKAIAN CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST) DI KAWASAN ZON BEBAS PELABUHAN KLANG DI BAWAH PENTADBIRAN LEMBAGA PELABUHAN KLANG

1. Merujuk kepada perkara di atas, notis ini berfungsi untuk memaklumkan semua pengguna dan pihak berkepentingan pelabuhan dan zon bebas di Pelabuhan Klang di mana LPK sebagai pihak berkuasa kawalsella yang mempunyai bidang kuasa dan pengawasan ke atas Pelabuhan Utara (termasuk Northport Distripark), Pelabuhan Selatan, Pelabuhan Barat dan Port Klang Free Zone (PKFZ) akan terus bertindak dalam menjalankan tugas di bawah Akta Zon Bebas 1990.
2. Oleh itu, selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 3 (2) Akta Zon Bebas 1990, LPK sebagai Pihak Berkuasa bagi Zon Perdagangan Bebas di Pelabuhan Utara (termasuk Northport Distripark), Pelabuhan Selatan, Pelabuhan Barat dan Port Klang Free Zone (PKFZ) seperti yang diwartakan dalam Jadual Pertama, dan Zon Perindustrian Bebas di PKFZ seperti yang diwartakan dalam Jadual Kedua, dengan ini mengesahkan bahawa semua prosedur sedia ada zon bebas yang mengawal Barangan dan Perkhidmatan di bawah Seksyen 4 Akta tersebut akan terus digunapakai selepas 1 April 2015.
3. Dengan merujuk kepada Perintah Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 [PU (A) 272], pembekalan Barangan dan Perkhidmatan oleh pengendali pelabuhan berlesen, pengendali gudang atau syarikat yang dilesenkan oleh Lembaga Pelabuhan berikut telah diklasifikasikan sebagai pembekalan berkadar sifar:-

(a) Pembekalan Barangan

- i) Barangan yang digunakan sebagai bekalan dalam pelayaran ke atau dari suatu tempat di luar Malaysia atau sebagai barang dagangan untuk dijual secara runcit kepada orang yang dibawa atas suatu pelayaran ke atau dari suatu tempat di luar Malaysia dalam suatu kapal;
- ii) Barang untuk kegunaan sebagai barang ganti kapal dalam suatu pelayaran ke atau dari suatu tempat di luar Malaysia.

(b) Pembekalan Perkhidmatan

- i) Perkhidmatan pengendalian kapal di suatu pelabuhan termasuk "*mooring*", "*unmooring*", pemaliman dan penundaan;
- ii) Perkhidmatan navigasi yang dibekalkan berhubung dengan suatu kapal di suatu pelabuhan termasuk penyediaan bantuan navigasi dan perkhidmatan hidrografi di mana dius api dan dius pelabuhan dikenakan;
- iii) Perkhidmatan pembaikan, penyelenggaraan, dan pemasangan yang dibekalkan berhubung dengan suatu kapal termasuk alat ganti yang digabungkan;
- iv) Pemuatan, pemunggahan muatan, perkhidmatan pengendalian atau penyimpanan barang oleh pengendali suatu pelabuhan yang dijalankan atau akan dijalankan di dalam suatu kapal di suatu pelabuhan;
- v) Perkhidmatan 'Inter Terminal Transfer' bagi kontena transshipment
- vi) Pelupusan sampah dan 'sludge'
- vii) Pengeluaran permit 'hot-work' dan pas pelabuhan.

4. "Perkhidmatan pengendalian" yang dirujuk di dalam perenggan 3(b)(iv) di atas adalah termasuk:-

- i) Pemunggahan kargo dan perkhidmatan porter;
- ii) Memuat, memunggah muatan, memuat semula, menyimpan, menjaga dan memindahkan kargo dengan menggunakan kren dan mesin penimbang berat;
- iii) Menyusun, membuka untuk pemeriksaan, membaiki, menimbang dan menurap, melekatkan dan memateri, memadam dan menanda semula, melabel dan menomborkan semula, mencatat, memeriksa, membuat sampel, menyukat atau mengukur barang;
- iv) Memeriksa kargo (termasuk kargo yang rosak);
- v) Perkhidmatan keselamatan kargo;
- vi) Menyediakan atau meminda pengisytiharan kastam.

5. LPK melalui Kementerian Pengangkutan telah mengetengahkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak berkepentingan berkaitan dengan pelaksanaan GST dan akan terus melibatkan diri dengan pihak berkuasa yang berkenaan untuk penjelasan lanjut bagi melindungi peruntukan Akta Zon Bebas 1990 demi kepentingan pertumbuhan yang berterusan Pelabuhan Klang, zon bebas dan ekonomi negara. Komuniti pelabuhan dan perkapalan akan dimaklumkan tentang sebarang perkembangan lanjut.

DATO' KAPT. DAVID PADMAN

Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Kelang

31 Mac 2015